

HELAIAN MAKLUMAT PRODUK

Sila baca Helaiian Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk HERpower ini. Pastikan juga anda membaca Terma dan Syarat Am dengan teliti.

Nama Produk : HERpower
 Tarikh : ___/___/___

1. APAKAH PRODUK INI?

Kemudahan modal kerja/pembiayaan CAPEX dalam bentuk Pembiayaan Berjangka yang ditawarkan kepada PKS.

Kadar pembiayaan (penetapan harga/kadar faedah) bagi produk ini adalah berdasarkan kepada kadar boleh ubah. Surat Jaminan daripada Pengarah Syarikat dan jaminan daripada Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP) (bila perlu), akan digunakan sebagai cagaran/sekuriti bagi pembiayaan ini.

Kemudahan pembiayaan ini disediakan dalam bentuk pinjaman Konvensional dan pembiayaan Islamik.

2. APAKAH YANG BOLEH SAYA PEROLEHI DARIPADA PRODUK INI?

<ul style="list-style-type: none"> ▪ Jumlah Pembiayaan 	<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah pembiayaan maksimum sehingga RM1.0 Juta (tertakluk kepada kelayakan). Jumlah pembiayaan yang diluluskan tertakluk kepada budi bicara pihak Bank dan jaminan yang diluluskan tertakluk kepada budi bicara pihak SJPP.
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tempoh Pembiayaan 	<ul style="list-style-type: none"> • Maksima sehingga 10 tahun atau sehingga 31hb Disember 2035, yang mana terdahulu.
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kadar Pinjaman Asas 	<ul style="list-style-type: none"> • Berdasarkan Kadar Pinjaman Asas (KPA) semasa sebanyak 6.65% setahun
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tujuan 	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk kegunaan modal kerja • Untuk pembiayaan CAPEX
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Manfaat Lain 	<ul style="list-style-type: none"> • SME First Account / Maybank2u.Biz / M2u • PRTA/Pesona Lady • Kad Komersial • Merchant Business • QRpay Biz+Soundbox • Work+ • Perisian Perakaunan • Key Man Insurance/ Premium Cash Refund • Business Insurance (SME Biz Care Plus) • Halal Program Initiative • Mental Health Wellness • Pendidikan Kewangan <p>Nota : Tertakluk kepada terma & syarat</p>

3. APAKAH TANGGUNGJAWAB SAYA?

- A. Membuat pembayaran ansuran bulanan setelah pengeluaran pembiayaan dikeluarkan oleh pihak bank.

Pembayaran balik pinjaman untuk kemudahan pinjaman biasanya dalam bentuk ansuran bulanan (dikira berdasarkan kadar faedah semasa, tempoh pinjaman dan baki pinjaman terkumpul). Pembayaran jumlah ansuran akan bermula setelah pengeluaran pinjaman dikeluarkan sepenuhnya oleh pihak bank.

Pihak bank berhak membuat potongan sebagai bayaran pendahuluan bersamaan dengan sebulan ansuran daripada jumlah pinjaman diluluskan. Pihak bank akan menggunakan bayaran pendahuluan tersebut untuk bayaran kepada sebarang hutang tertunggak yang berkaitan dengan pinjaman diluluskan pada bila-bila masa semasa tempoh pembiayaan.

▪ Jumlah ansuran bulanan	RM _____ jumlah pembiayaan, termasuk kadar faedah.
▪ Jumlah keseluruhan ansuran yang perlu dibayar (termasuk jumlah pembiayaan)	RM _____

- B. Membuat pembayaran faedah yang dikenakan ke atas amaun yang digunakan dan yuran komitmen yang dikenakan ke atas amaun yang tidak digunakan (secara bulanan).

Contoh Pengiraan

Kadar	:	
Jumlah pembiayaan	:	
Amaun yang digunakan	:	
Amaun yang tidak digunakan	:	
Amaun yang perlu dibayar *	:	

* Mengandaikan amaun yang digunakan tidak berudah untuk tempoh 30 hari

- C. Amaun yang digunakan perlu dibayar balik apabila diminta oleh pihak Bank

4. BERAPAKAH YURAN DAN CAJ YANG PERLU DIBAYAR?

▪ Yuran Jaminan Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP)	0.75% setahun ke atas had pembiayaan secara tahunan (minima RM500.00) [ditanggung oleh pihak Bank]
▪ Caj dokumentasi pinjaman "In-House"	Yuran dokumentasi dikecualikan
▪ Duti Setem	Sebagaimana yang tercatat didalam Akta Duti Setem 1949 (pindaan pada 1989)
▪ Lain-lain Yuran & Caj	Semua kos dan perbelanjaan lain seperti yuran guaman dan, lain-lain caj yang berkaitan dengan penyediaan semua dokumentasi dan dokumen sekuriti Bank.
▪ Cukai	Tertakluk kepada cukai dan levi sedia ada dan akan datang yang ditetapkan mengikut undang undang

5. SEKIRANYA SAYA GAGAL MEMENUHI OBLIGASI SAYA?

▪ Denda Ansuran Lewat	1.00% setahun ke atas jumlah tertunggak
▪ Hak penyelesaian	Pihak Bank berhak menggunakan mana-mana baki kredit dalam akaun anda yang dibuka di Bank untuk melunaskan apa jua jumlah ansuran tertunggak melibatkan pembiayaan ini dengan memberi tujuh (7) hari notis sebelum perlaksanaan.
▪ Kadar Kemungkiran	Jika berlaku kemungkiran (tiada pembayaran) sebanyak (3) tiga kali berturut-turut, pembayaran faedah sebelum bayaran ansuran atau semasa bayaran ansuran, pihak bank berhak untuk menukar kepada kadar kemungkiran iaitu Kadar Pembiayaan Asas (KPA) + 2.50% atau keuntungan efektif ditambah dengan + 1.00% setahun (dikira secara baki harian), bergantung kepada yang mana lebih tinggi, atau pada kadar yang ditetapkan oleh pihak bank dari masa ke semasa.

Nota: Notis akan diberi kepada pelanggan

6. JIKA SAYA MENJELASKAN BAKI PEMBIAYAAN SEBELUM TEMPOH MATANG?

Penyelesaian Awal	Tiada
Tempoh Penyelesaian	Tiada

7. ADAKAH SAYA MEMERLUKAN PERLINDUNGAN INSURANS?

Skim Perlindungan Peribadi Berkurangan Berjangka (PRTA)/ Pesona Lady akan ditawarkan kepada pemilik perniagaan / Pengarah Urusan / Pengurus Bersama / Rakan Kongsi / Pemilik Persendirian untuk melindungi mereka sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal.

8. APAKAH RISIKO UTAMA?

Kadar faedah pembiayaan ini boleh berubah dari masa ke semasa mengikut perubahan dalam Kadar Pinjaman Asas (KPA). Peningkatan dalam kadar faedah boleh menyebabkan jumlah caj kadar faedah yang lebih tinggi.

Jika anda mempunyai masalah untuk membuat bayaran balik, sila hubungi kami lebih awal untuk berbincang mengenai kaedah alternatif bayaran.

9. APAKAH YANG PERLU DILAKUKAN JIKA TERDAPAT SEBARANG PERUBAHAN MAKLUMAT UNTUK MENGHUBUNGI SAYA?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan maklumat perhubungan anda untuk memastikan anda dapat dihubungi atau menerima surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskinkan maklumat perhubungan anda, anda boleh menghubungi kami melalui satu daripada saluran berikut, M2U atau cawangan Bank dimana akaun anda diselenggarakan.

10. DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN BANTUAN DAN PEMBELAAN?

i) Jika anda mempunyai masalah dalam membuat bayaran balik, anda perlu menghubungi kami secepat mungkin untuk berbincang mengenai alternatif bagi bayaran balik di mana mana cawangan kami yang terdekat.

ii) Jika anda ingin mendapatkan maklumat yang lebih lanjut berkenaan produk atau servis yang disediakan oleh pihak kami, anda boleh mendapatkan maklumat tersebut di mana mana cawangan kami yang berdekatan atau hubungi Talian Khidmat Pelanggan di:

Tel: 1-300-80-8668 (Lokal) atau +603 - 78443696 (Luar Negara)
Email: mgcc@maybank.com.my

iii) Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh bank negara malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 8, Maju Junction Mall
1001, Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
Tel: 1-800-22-2575 email: enquiry@akpk.org.my

iv) Jika anda tidak berpuas hati dengan cara kami menjawab pertanyaan atau aduan anda, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia link atau telelink di:

Blok D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465
Faks: 03-21741515 e-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

11. DI MANA BOLEH SAYA MENDAPATKAN MAKLUMAT SELANJUTNYA?



Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di :

Cawangan Maybank :

Alamat :

Tel :

E-mel :

12. PAKEJ PEMBIAYAAN SME LAIN YANG DISEDIAKAN:

Ya. Anda boleh merujuk laman web kami di www.maybank2u.com.my untuk pakej pembiayaan SME yang lain.

PENAFIAN TUNTUTAN

Maklumat serta terma dan syarat am yang disediakan dalam Helaian Maklumat Produk ini adalah bagi tujuan informasi dan tidak terikat kepada pihak Bank. Terma dan syarat muktamad adalah seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran yang tertakluk kepada penilaian kredit dan kelulusan kemudahan pembiayaan ini.

Nota penting:

Pihak bank mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang jika anda gagal untuk membuat bayaran balik pembiayaan anda.

Maklumat yang disediakan di dalam helaian ini adalah sah setakat Nov' 2024.